



Kira-kira 15,000 pengunjung dari seluruh negara menyerbu Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 28 hingga 1 Mac 2009 baru-baru ini.

Karnival anjuran Kementerian Pengajian Tinggi itu berjaya menarik pengunjung termasuk pelajar sekolah dan ibu bapa.

Objektif karnival yang julung kali diadakan di UMP itu adalah untuk menjadi Pusat Sehenti (*One Stop Centre*) bermaklumat kepada kumpulan sasaran seperti pemohon, ibu bapa, guru dan komuniti setempat untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi, akreditasi dan pembiayaan bagi Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf.

Selain itu, karnival itu juga bertujuan untuk mempromosi dan menyebarluaskan maklumat mengenai program pengajian baharu yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di samping mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan ke IPTA melalui aplikasi dalam talian.

Turut didedahkan ialah syarat kelayakan bagi mengikuti program pengajian yang ditawarkan oleh IPTA-IPTA dalam setiap bidang profesional yang disediakan. Pengunjung juga berpeluang meningkatkan pengetahuan mengenai Sains dan Teknologi terutama mengenai angkasa lepas menerusi program motivasi yang disampaikan oleh Angkasawan Negara, Mejaz Dr. Faiz Khaleed.

Karnival dua hari itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak.

Sepanjang karnival berlangsung, pengunjung telah berpeluang untuk melihat sendiri pelbagai hasil penyelidikan dan maklumat mengenai pengajian tinggi negara khususnya UMP di 70 buah gerai pameran yang disediakan.

Selain pameran, pelbagai acara telah diadakan antaranya termasuklah kuiz ‘Jom Masuk U’, jualan buku, cabutan bertuah dan forum kaunseling yang diadakan di Hotel Vistana, Kuantan.

Hadir sama Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Adnan Haji Yaacob dan Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin dan Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.